

LATIHAN TATABAHASA

SP : 5.6.1 Menganalisis dan membetulkan kesalahan kata dan frasa dalam sesuatu ayat.

Berpandukan petikan yang terdapat dalam buku teks muka surat 229, isikan pembetulan bagi ayat-ayat dalam petikan di bawah.

Institusi Penghulu ialah institusi yang _____ di negara ini kerana telah wujud sejak pemerintahan Raja-Raja Melayu hingga sekarang. Namun, peranan penghulu telah berubah _____ mengikut _____ zaman.

Sebelum campur tangan Inggeris, penghulu memainkan peranan sebagai orang perantaraan antara pembesar daerah _____ penduduk kampung. Penghulu menjalankan tugas pentadbiran disamping menyuarakan masalah yang _____ penduduk kampung kepada pihak yang lebih tinggi. Penghulu mempunyai pengikut yang dikenali sebagai _____. Biasanya jawatan penghulu diwarisi _____ dan golongan ini amat dihormati oleh penduduk kampung. Penghulu tidak dibayar gaji tetapi mempunyai sumber pendapatan daripada cukai perdagangan dan bayaran sebahagian daripada hasil pendapatan yang diterima daripada anak buahnya.

Selepas campur tangan Inggeris, institusi penghulu dikekalkan oleh Inggeris. Inggeris menyedari kepentingan pengaruh penghulu dalam pentadbiran kerajaan. Penghulu _____ orang perantaraan antara kerajaan Inggeris dengan penduduk kampung. Di bawah sistem pemerintahan Inggeris, penghulu mempunyai gaji, berpencen dan biasanya _____ ini berpendidikan. Penghulu tidak lagi dikawal oleh pembesar daerah tetapi oleh pihak Inggeris.

Kini, negara ini telah lama merdeka dan bebas daripada pegangan penjajah. Jawatan penghulu masih wujud tetapi mengalami perubahan ketara _____ segi bidang tugas. Penghulu-penghulu yang bertugas pada masa kini tidak lagi melakukan kutipan cukai tetapi melaksanakan _____ sebagai pegawai perantaraan untuk _____ maklumat pentadbiran negeri, dasar-dasar kerajaan dan menganjurkan program pembangunan masyarakat _____ peringkat mukim. Dengan ini, skop tugas penghulu secara khusus memberi fokus kepada aspek pembangunan, pentadbiran, keagamaan serta kebudayaan di peringkat mukim.